
HEMPEL
Trust is earned

Tatakelakuan Pekerja

Perniagaan dijalankan dengan cara yang betul





Kandungan

Sepatah dua kata daripada Ketua Pegawai Eksekutif 2

Menggunakan Tatakelakuan ini 5

Undang-undang dan peraturan 7

Anti-rasuah 9
Hadiah, keraian dan hiburan
Bayaran pemudahan
Sumbangan dan penajaan
Sumbangan politik

Konflik kepentingan 15

Rakan niaga 17
Rakan niaga yang mewakili pelanggan Hempel

Persaingan adil 21

Aset syarikat, termasuk maklumat sulit 23

Hak asasi manusia 25
Kesihatan dan keselamatan
Kepelbagaian dan penyertaan
Hak di tempat kerja

Alam sekitar 29

Membangkitkan kebimbangan 31
Berhenti dan berfikir sebelum anda bertindak
Berhenti dan melaporkan

Sepatah kata daripada CEO

Di Hempel, kami berusaha setiap hari untuk memperoleh dan mengekalkan kepercayaan pelanggan, rakan niaga dan pihak berkepentingan lain, serta rakan sekerja kami di seluruh dunia. Di mana sahaja kami beroperasi, kami menjalankan perniagaan dengan integriti, ketelusan dan rasa hormat. Sebagai penandatangan United Nations Global Compact, kami komited untuk mendukung prinsipnya mengenai hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan antirasuah, serta mewujudkan nilai positif dan berkekalan melalui cara kami menjalankan perniagaan.

Kami percaya kepercayaan diperoleh melalui pilihan yang kami buat dan cara kami bekerjasama setiap hari. Komitmen bersama membimbing cara kami berinteraksi dan membuat keputusan. Tatakelakuan Pekerja berasaskan komitmen ini dan menyediakan panduan praktikal untuk membantu kami membuat keputusan yang wajar dan mendukung standard bersama setiap hari.

Tatakelakuan ini menerangkan komitmen Hempel kepada anda dan tanggungjawab yang kita kongsi sebagai rakan sekerja. Saya meminta anda semua membacanya dengan teliti dan menerapkan prinsipnya dalam kerja harian. Jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan, atau melihat tingkah laku yang tidak mencerminkan komitmen kita, bersuaralah. Menyuarakan kebimbangan membantu kita mengekalkan budaya berasaskan kepercayaan, integriti dan akauntabiliti.

Terima kasih atas komitmen anda terhadap komitmen bersama dan kerana membantu kami membina syarikat yang memperoleh kepercayaan, bertindak secara bertanggungjawab dan mewujudkan nilai berkekalan untuk pelanggan, rakan sekerja, rakan niaga dan komuniti.

Eric Alström
Presiden Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Hempel



Menggunakan Tatakelakuan ini

Tujuan Tatakelakuan
Tatakelakuan kami di sini untuk melindungi anda sebagai pekerja dan memastikan bahawa kami tidak pernah sekali-kali menjejaskan reputasi atau jenama Hempel. Pelanggan mengharapkan kami untuk menjadi rakan kongsi yang dipercayai. Kita hanya boleh menjadi rakan kongsi yang dipercayai dengan menghayati nilai-nilai kita dan tetap bersandar pada prinsip kita. Kami mengharapkan rakan niaga kami – termasuk pelanggan, pengedar, pengurus kapal, ejen, pembekal dan perunding – menghayati standard etika yang sama. Tatakelakuan ini merupakan sebuah dokumen praktikal, menetapkan prinsip kami dan maksudnya untuk kami sebagai sebuah syarikat dan anda sebagai pekerja.

Salah laku
Menjadi pekerja Hempel bermaksud bahawa anda bersetuju untuk mematuhi Tatakelakuan ini. Kes ketidakpatuhan dipandang serius dan akan mengakibatkan tindakan tatatertib, yang boleh membawa kepada pembuangan kerja.

Kepimpinan
Ia adalah tanggungjawab pengurus dan mereka yang memegang jawatan penyelia untuk menunjukkan contoh yang baik, dengan mematuhi Tatakelakuan dan memastikan orang lain melakukan perkara yang sama. Ini merangkumi secara proaktif memastikan mereka yang berada di bawah penyeliaan anda mengetahui maksudnya melalui amalan dengan membincangkan topik secara terbuka dan kerap serta bersedia untuk memberikan sokongan.

Mendapatkan bantuan
Terdapat waktunya bila tindakan terbaik tidak selalunya nampak ketara. Jika anda mengalami kesukaran mentafsir atau mengguna pakai Tatakelakuan, anda perlu mendapatkan bantuan daripada pengurus anda. Jika anda dalam keraguan, anda boleh mendapatkan bantuan di ComplianceHelp di Platform Kolaborasi kami, di mana Tatakelakuan dan semua dasar, garis panduan dan templat sokongan boleh ditemui. Anda juga boleh membangkitkan isu sensitif dan pertanyaan tanpa mendedahkan nama melalui Hotline Etika Hempel.



Undang-undang dan peraturan

Sebagai sebuah syarikat, kami mematuhi undang-undang, kaedah dan peraturan dalam apa jua yang kami lakukan, di setiap negara kami beroperasi.



Kami menyediakan sokongan undang-undang untuk mengenal pasti dan mentafsir undang-undang. Sekiranya sesuai, kami menyediakan latihan dan bahan lain untuk memastikan anda tahu cara mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Kami menghormati undang-undang kawalan perdagangan asing yang berkaitan. Pematuhan perdagangan termasuklah peraturan yang mengawal perdagangan barangan, teknologi, perisian dan perkhidmatan import, eksport dan dalam negara, dan juga sekatan antarabangsa dan amalan perdagangan barangan terhad.

- Kami tidak menjalankan perniagaan dengan syarikat atau individu yang melanggar undang-undang sekatan.
- Kami mengawal produk yang berkemungkinan boleh digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang dengan mendaftarnya dengan wajar menurut undang-undang di negara berkaitan.

Kami tidak terlibat dalam pengubahan wang haram. Pengubahan wang haram berlaku apabila hasil jenayah disembunyikan dalam urusan perniagaan yang sah, atau bila dana yang sah digunakan untuk menyokong aktiviti jenayah, termasuk keganasan. Semua syarikat berisiko dieksploitasi dalam cara ini dan kita hendaklah sentiasa berwaspada untuk membantu melindungi reputasi kita dan memastikan kita mematuhi undang-undang.

- Kita hendaklah mengetahui identiti semua pelanggan kita.
- Kita memantau perniagaan untuk sebarang petunjuk aktiviti pengubahan wang haram.

Apa yang diharapkan daripada anda
Semua orang di Hempel bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang dan dasar Hempel. Kami menyediakan alat dan pengetahuan kepada pekerja kami untuk memastikan perkara ini boleh dilaksanakan,

- **Sentiasa** menghadiri latihan yang disediakan mengenai cara mematuhi undang-undang dan dasar Hempel dan mengguna pakai latihan ini dalam kerja harian anda.
- **Sentiasa** mematuhi Dasar Kawalan Eksport.
- **Sentiasa** memastikan anda mengetahui sekatan mengenai tempat produk Hempel mungkin dijual.
- **Sentiasa** mengetahui identiti pelanggan atau rakan niaga anda,
- **Sentiasa** kekal berwaspada dalam kerja harian anda terhadap tanda aktiviti pengubahan wang haram.

Anti-rasuah

Kami menjalankan perniagaan kami dalam cara yang adil dan sah.



Rasuah ditakrifkan sebagai sesuatu bernilai yang diberikan atau diterima sebagai pertukaran untuk kelebihan tidak adil. Rasuah boleh terdiri daripada banyak bentuk.

- Kami tidak mengambil bahagian dalam sebarang bentuk rasuah. Ini termasuk rasuah yang dibayar atau diterima oleh rakan niaga bagi pihak kami.

Apa yang diharapkan daripada anda
Rasuah menyalahi undang-undang dan akibatnya amat besar. Reputasi Hempel boleh terjejas oleh tindakan tidak bertanggungjawab dan anda boleh menghadapi pendakwaan jenayah.

- **Jangan sekali-kali** membayar tunai atau tunai setara – misalnya cek atau baucar – untuk mendapatkan kelebihan tidak adil atau memujuk seseorang untuk melakukan sesuatu. Ini termasuk **tidak sekali-kali**menggunakan rakan niaga atau pihak lain yang dilantik oleh pelanggan untuk membuat bayaran sedemikian bagi pihak Hempel.
- **Jangan sekali-kali** menerima sebarang bentuk rasuah untuk kegunaan peribadi atau faedah daripada pembekal.
- **Sentiasa** memastikan sifat semua transaksi adalah telus. Ini bermaksud menetapkan diskaun atau komisen pada invois di mana diskaun dan komisen tersebut berkaitan, merekodkan semua perbelanjaan dengan tepat dan lengkap, mengenal pasti produk percuma, dsb.
- **Sentiasa** melaporkan sebarang rasuah yang disyaki atau meminta rasuah kepada pengurus anda.



Hadiah, keraian dan hiburan.

Kami membina perhubungan yang kukuh dan berpanjangan dengan pelanggan kami. Kejayaan perniagaan kami adalah disebabkan oleh memahami keperluan pelanggan kami dan menyediakan penyelesaian yang memenuhi keperluan tersebut – dan kami menggalakkan pekerja kami untuk menjalinkan perhubungan yang bermanfaat dengan pelanggan berdasarkan sifat saling mempercayai.

- Kami tidak memenangi perniagaan dengan melayan pelanggan secara mewah untuk mempengaruhi mereka.
- Kami tidak sekali-kali menyediakan sebarang manfaat yang menyalahi undang-undang atau yang boleh menjejaskan reputasi Hempel dengan teruk sekiranya ia didedahkan kepada umum.

Apa yang diharapkan daripada anda
Ia boleh diterima sama sekali untuk makan malam bersama pelanggan atau menghadiri majlis bersama-sama – walaupun sekiranya Hempel menawarkan untuk membiayainya. Walau bagaimanapun, fikirkan dengan berhati-hati tentang bagaimana perkara ini mungkin ditanggap. Pertimbangkan kekerapan, jumlah dan jenis hadiah, keraian atau hiburan, dan juga tujuannya.

- **Jangan sekali-kali** belanjakan lebih daripada EUR 200 seorang pada satu hadiah, acara atau makan malam. Penyimpangan daripada peraturan am ini hanya boleh diberikan pengecualian oleh pengurus negara berkaitan atau naib presiden serantau. Gunakan templat Kelulusan Hadiah, Keraian & Hiburan, yang boleh anda temui di ComplianceHelp. Walau bagaimanapun, had perbelanjaan yang boleh diterima adalah berbeza-beza mengikut negara dan anda perlu membiasakan diri dengan had di negara dan bidang perniagaan anda.
- **Jangan sekali-kali** menerima hadiah atau keraian daripada pembekal dengan nilai melebihi EUR 200 tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pengurus anda. Gunakan templat Kelulusan Hadiah, Keraian & Hiburan, yang boleh anda temui di ComplianceHelp.
- **Jangan sekali-kali** memberikan tiket atau membiayai perbelanjaan makan malam pelanggan di mana pekerja Hempel tidak beroperasi.
- **Jangan sekali-kali** menyediakan hadiah, hiburan atau makan malam kepada penjawat awam* tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pengurus negara yang berkaitan atau naib presiden serantau. Gunakan templat Kelulusan Hadiah, Keraian & Hiburan, yang boleh anda temui di ComplianceHelp.
- **Jangan sekali-kali** menyediakan hadiah daripada sebarang bentuk untuk pelanggan atau menerima hadiah daripada sebarang bentuk daripada pembekal semasa proses tender.
- **Jangan sekali-kali** menyediakan sebarang bentuk faedah yang menyalahi undang-undang, biadab atau boleh menjejaskan reputasi Hempel dengan teruk sekiranya didedahkan kepada umum.

* Pegawai awam ialah sesiapa yang mempunyai jawatan dalam pihak berkuasa rasmi yang dikurniakan oleh sesebuah negeri, iaitu seseorang yang memegang jawatan perundangan, pentadbiran atau kehakiman daripada sebarang bentuk, sama ada dilantik atau dipilih.

Bayaran pemudahan

Bayaran pemudahan ialah bayaran kecil tetapi haram (atau manfaat lain seperti hadiah) kepada pegawai kerajaan, terutamanya untuk mempercepat perkhidmatan yang sememangnya menjadi hak anda. Contohnya, bayaran kecil kepada pegawai imigresen untuk mengeluarkan visa tanpa perlu beratur.

Bayaran pemudahan ialah sejenis rasuah. Biasanya, anda boleh mengenalinya kerana tiada resit rasmi diberikan.

- Bayaran pemudahan adalah haram di seluruh dunia dan Hempel tidak membenarkannya.

Apa yang diharapkan daripada anda
Jangan tawarkan bayaran pemudahan. Jika diminta membuat bayaran tersebut, anda hendaklah:

- **Beritahu** pegawai kerajaan bahawa bayaran itu sama sekali bertentangan dengan dasar Hempel dan tolak permintaan tersebut.
- **Cuba** selesaikan urusan secara sah. Contohnya, anda boleh:
  - **meminta** untuk bercakap dengan pengurus atau penyelia pegawai awam itu
  - **meminta** bukti bahawa bayaran itu sah, contohnya resit rasmi
  - **melibatkan** pengurus anda, Legal atau Compliance untuk membantu menentukan langkah seterusnya.

Sumbangan dan penajaan

Kami berminat untuk memberi kembali kepada masyarakat dan menyokong komuniti di tempat kami beroperasi. Akibatnya, kami membuat sumbangan amal dan menyediakan penajaan korporat.

- Kami tidak sekali-kali menggunakan penajaan amal dan komersial untuk mempengaruhi pembuat keputusan secara tidak wajar.

Apa yang diharapkan daripada anda
Sebagai pekerja Hempel, kami menggalakkan anda untuk mengambil peranan aktif dalam penglibatan komuniti tempatan.

- **Sentiasa** memastikan sumbangan dan penajaan diluluskan oleh pengurus negara yang berkaitan atau naib presiden serantau. Gunakan templat Laporan Sumbangan dan Penajaan Amal, yang boleh anda temui di ComplianceHelp.

Sumbangan politik

Kami secara aktif mengelakkan daripada menyokong mana-mana pertubuhan politik.

- Sebagai sebuah syarikat, kami tidak sekali-kali menyokong mana-mana parti politik atau kempen politik.
- Kami menyokong persatuan industri yang mungkin mempengaruhi keputusan dasar secara tidak langsung.

Apa yang diharapkan daripada anda

- **Jangan sekali-kali** membuat sumbangan politik kepada pertubuhan berkaitan parti atau kepada individu yang terlibat dalam politik parti menggunakan nama Hempel.
- **Jangan sekali-kali** menggunakan hubungan politik atau kerajaan lain untuk mendapatkan layanan istimewa untuk Hempel.
- **Jangan sekali-kali** memberikan tanggapan bahawa Hempel menyokong atau memihak mana-mana calon, kempen atau isu yang mana anda terlibat secara peribadi.

Konflik kepentingan

Perniagaan di Hempel dijalankan secara objektif.



Kami menghormati privasi pekerja kami dan biasanya tidak mengambil kepentingan dalam perlakuan peribadi di luar tempat kerja. Walau bagaimanapun, apabila aktiviti peribadi, sosial atau kewangan pekerja mengganggu atau mungkin mengganggu kesetiaan dan objektiviti pekerja terhadap Hempel, konflik kepentingan boleh wujud.

Kami mengakui bahawa konflik kepentingan timbul dari masa ke masa dan dalam kebanyakan kes, perkara ini boleh diselesaikan dengan mudah.

- Kami membuat keputusan perniagaan dalam kepentingan terbaik syarikat.
- Kami memastikan ketelusan keputusan dan transaksi perniagaan dan membantu individu untuk membuat keputusan bila konflik kepentingan mungkin timbul.

Apa yang diharapkan daripada anda

Konflik kepentingan antara kebimbangan persendirian anda dan kerja anda mungkin timbul dari masa ke masa. Perkara paling penting adalah mengenali konflik berkemungkinan dan berusaha dengan pengurus anda untuk menyelesaikannya. Anda perlu memastikan bahawa anda setia sepenuhnya dengan Hempel dan bahawa konflik kepentingan antara kebimbangan persendirian anda dan perniagaan adalah telus sepenuhnya dan diuruskan dengan wajar.

- **Sentiasa** membuat akuan secara bertulis apa-apa kepentingan perniagaan luar (misalnya pemilikan, atau saham dalam, perniagaan pesaing atau rakan niaga), status pengarah, pelantikan sukarela, dll. Gunakan templat Akuan Konflik Kepentingan yang boleh anda temui di ComplianceHelp.
- **Sentiasa** memastikan bahawa sebarang konflik kepentingan antara kebimbangan peribadi anda dan perniagaan Hempel adalah telus sepenuhnya.
- **Jangan sekali-kali** mengarahkan perniagaan atau memberikan terma perniagaan yang memihak kepada kebimbangan perniagaan atau syarikat yang anda atau rakan karib atau ahli keluarga anda mempunyai kepentingan di dalamnya.
- **Jangan sekali-kali** memberikan kerja kepada rakan karib atau ahli keluarga melainkan mereka adalah orang paling sesuai untuk kerja tersebut dan anda telah mendedahkan perhubungan anda. Gunakan templat Akuan Konflik Kepentingan, yang boleh anda temui di ComplianceHelp.
- **Jangan sekali-kali** membenarkan situasi di mana ahli keluarga (suami atau isteri, pasangan, ibu bapa, anak atau saudara kandung) adalah dalam perhubungan laporan langsung atau perhubungan melibatkan penyeliaan, penilaian, pengambilan bekerja atau penentuan gaji atau manfaat lain.

Rakan niaga

Kami hanya berurusan dengan rakan niaga yang bereputasi, jujur dan kompeten.



Sebagai sebuah syarikat global, kami bekerjasama dengan rakan niaga di banyak tempat di seluruh dunia. Rakan niaga ini perlu memahami dan menghormati nilai kami dan kami perlu mengambil tindakan untuk memastikan bahawa perkara ini dipatuhi.

Pengedar, ejen dan rakan niaga lain yang bekerjasama dengan kami perlu:

- menyediakan perkhidmatan profesional tulen kepada Hempel
- layak untuk melaksanakan perkhidmatan
- mempunyai reputasi baik
- hanya dibayar untuk nilai sebenar perkhidmatan
- bertindak di bawah kontrak yang sah dan memadai
- Kami tidak menjalinkan perhubungan dengan rakan niaga yang terlibat dalam mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang, misalnya rasuah atau aktiviti yang melanggar hak asasi manusia, atau mana-mana organisasi atau individu yang disekat.

- Kami tidak sekali-kali menggunakan rakan niaga untuk menyembunyikan apa-apa transaksi.
- Kami mempunyai proses yang dilaksanakan untuk menilai risiko yang dikaitkan dengan rakan niaga, berdasarkan tahap dan jenis perniagaan yang kami lakukan dengan mereka dan di tempat perniagaan dijalankan.
- Kami mengekalkan akaun dan rekod yang secara wajar mencerminkan semua transaksi dengan lengkap, tepat dan menepati masanya. Transaksi ini mengenal pasti dengan jelas sifat barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan atau diterima.

Rakan niaga adalah sesiapa yang mempunyai perhubungan perniagaan dengan kami, termasuk pembekal, pengedar, ejen dll.

Apa yang diharapkan daripada anda
Kami mengharapkan semua pekerja untuk memastikan rakan niaga kami adalah kompeten, relevan dan jujur dalam semua urusan kami bersama mereka.

- **Sentiasa** menggunakan templat kontrak standard Hempel. Jika anda membuat perubahan kepada kontrak standard atau menggunakan kontrak bukan standard, sila pastikan bahawa ia diluluskan oleh Undang-Undang Kumpulan.
- **Sentiasa** laporkan sebarang insiden atau masalah berkemungkinan yang berkaitan dengan rakan niaga kepada pengurus anda.
- **Jangan sekali-kali** meminta rakan niaga melakukan sesuatu yang tidak mematuhi budaya, nilai dan dasar Hempel.
- **Jangan sekali-kali** meminta rakan niaga membuat bayaran yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar bagi pihak Hempel.
- **Jangan sekali-kali** dengan sengaja mengabaikan tingkah laku tidak wajar oleh rakan niaga yang bertindak bagi pihak Hempel.

Rakan niaga yang mewakili pelanggan Hempel



Kami telus tentang manfaat yang disediakan kepada rakan niaga yang mewakili pelanggan kami.

Rakan niaga sering bertindak sebagai wakil pelanggan kami atau dilantik oleh pelanggan kami. Rakan niaga ini termasuk persatuan pembelian, pengurus kapal, penguasa, perunding teknikal, penyelia, jurutera, penentu, pendorong, ejen pembelian atau pengantara lain.

Dalam urusan perniagaan, kami mungkin diminta untuk menyediakan rebat, komisen, bonus atau manfaat lain kepada rakan niaga yang bertindak bagi pihak pelanggan Hempel. Manfaat sedemikian boleh mewujudkan konflik kepentingan, kerana rakan niaga mempunyai tugas untuk bertindak dalam kepentingan terbaik pelanggan kami, tidak memberi keutamaan kepada Hempel.

Faedah yang disediakan kepada rakan niaga ini berisiko tinggi membentuk rasuah dan lantaran itu sangat terhad.

- Kami amat berhati-hati dalam menyediakan faedah kepada rakan niaga yang bertindak bagi pihak pelanggan Hempel dan sentiasa mematuhi prosedur, arahan dan dasar berkaitan Hempel.
- Kami telus tentang manfaat yang disediakan kepada rakan niaga yang mewakili pelanggan kami.

Rakan niaga yang mewakili pelanggan Hempel termasuk persatuan pembelian, pengurus kapal, penguasa, perunding teknikal, penyelia, jurutera, penentu, pendorong, ejen pembelian atau pengantara lain.

Apa yang diharapkan daripada anda

Jika anda bekerjasama dengan rakan niaga yang mewakili pelanggan Hempel atau pelanggan, kami mengharapkan anda untuk memastikan perwakilan mereka adalah relevan dan bahawa mereka kompeten dan jujur dalam semua urusan kami dengan mereka.

- **Sentiasa** mengetahui pelanggan anda. Terpulang kepada anda untuk memahami pihak yang ditawarkan dan diberikan faedah.
- **Sentiasa** masukkan manfaat dalam dokumen komersial berkaitan, misalnya cadangan dan invois. Jangan sembunyikan atau mendokumenkan manfaat secara berasingan.
- **Sentiasa** mematuhi prosedur, arahan dan dasar Hempel yang berkaitan, yang boleh anda temui di ComplianceHelp.
- Keperluan untuk menyediakan faedah kepada rakan niaga yang bertindak bagi pihak pelanggan Hempel adalah ketat dan mungkin berbeza-beza mengikut negara. Apabila dalam keraguan, dapatkan nasihat daripada Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Pematuhan Kumpulan atau Undang-undang Kumpulan.

Persaingan adil



Kami menjalankan perniagaan kami dalam cara yang adil dan sah.

Kami komited terhadap prinsip persaingan yang adil, terbuka dan tidak terbatas dan kami menjalankan perniagaan kami dalam cara yang adil dan sah. Prinsip ini penting buat kami, bukan sahaja ia adalah undang-undang, malah ia menjadi kepercayaan kami.

- Kami memastikan semua perjanjian, ditandatangani atau sebaliknya, mematuhi undang-undang persaingan global dan tempatan.
- Kami tidak menyokong penetapan harga, perkongsian pasaran, sekatan keluaran, manipulasi bidaan atau amalan anti-persaingan lain.
- Jika kami menerajui kedudukan pasaran, kami tidak bertindak dalam cara yang menyalahguna kedudukan peneraju ini, atau melanggar undang-undang tempatan atau lain.

Jika anda mempunyai sebarang keraguan tentang kontrak, mesyuarat, perbincangan, dsb., bangkitkan persoalan anda melalui compliancehelp@hempel.com.

Apa yang diharapkan daripada anda
Kami mengharapkan semua pekerja untuk mengelakkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang sebenar atau tanggapan yang berkaitan dengan hal persaingan dalam aktiviti hari ke hari mereka.

- **Jangan sekali-kali** berkongsi sebarang maklumat tentang penentuan harga, tender atau hal perniagaan lain dengan sesiapa di luar Hempel, selain daripada pelanggan. Hal ini terutamanya penting semasa perjumpaan persatuan perdagangan atau industri lain, di mana kami mungkin bertemu pesaing kami. Tinggalkan mesyuarat sekiranya topik sensitif yang kompetitif timbul.
- **Jangan sekali-kali** membuat sebarang jenis perjanjian, bertulis atau sebaliknya, dengan pesaing yang berkaitan dengan penentuan harga atau tender.
- **Jangan sekali-kali** meletakkan sekatan ke atas pembekal bagi mengurangkan atau menstabilkan pengeluaran, kapasiti atau output.
- **Jangan sekali-kali** menetapkan harga minimum atau harga jualan semula tetap untuk peniaga, pengedar atau penjual semula bebas.
- **Jangan sekali-kali** memboikot mana-mana pelanggan atau pembekal melainkan yang berkaitan dengan sekatan kerajaan.
- **Sentiasa** maklumkan kepada pengurus anda dengan segera sekiranya maklumat sensitif dari segi persaingan dikongsi bersama anda atau sekiranya pesaing mencuba untuk membuat perjanjian yang menyalahi undang-undang.
- **Sentiasa** mematuhi prinsip bahawa semua keputusan berkenaan penentuan harga, pengeluaran, pelanggan dan pasaran Hempel dibuat semata-mata oleh Hempel.

Aset syarikat, termasuk maklumat sulit



Kami menyediakan aset dan maklumat yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan kami dengan berkesan dan memastikan aset dan maklumat dilindungi dengan sewajarnya.

Aset dan maklumat adalah penting untuk mencapai objektif perniagaan kami. Semua aset dan data yang digunakan dalam perniagaan atau disimpan di komputer syarikat adalah harta Hempel.

- Kami menyediakan aset untuk kegunaan perniagaan, dari segi peralatan dan maklumat.

Apa yang diharapkan daripada anda
Semua pekerja bertanggungjawab untuk menjaga dan melindungi aset dan maklumat syarikat. Sebagai peraturan umum, maklumat syarikat tidak boleh dikongsikan di luar Hempel.

- **Sentiasa** memastikan aset syarikat dikendalikan dengan prihatin dan hormat.
- **Sentiasa** mematuhi peraturan syarikat mengenai penggunaan persendirian aset syarikat.
- **Sentiasa** gunakan media sosial dengan berhati-hati – jangan sekali-kali membuat sebarang pernyataan yang boleh menjejaskan nama Hempel.
- **Jangan sekali-kali** berkongsi maklumat dengan sesiapa secara dalaman yang tidak mempunyai keperluan untuk tahu dan tidak berkongsi apa-apa maklumat di luar syarikat, walaupun sekiranya anda telah berhenti bekerja di Hempel.



Hak asasi manusia

Kami menghormati dan menyokong hak asasi manusia yang diiisytiharkan di peringkat antarabangsa.



Kami komited untuk menghormati hak asasi manusia selaras dengan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia serta Kompak Global PBB. Komitmen kami dilanjutkan kepada apa-apa impak buruk yang boleh disebabkan oleh kami, menyumbang kepada atau dikaitkan melalui operasi syarikat dan perhubungan perniagaan dalam semua pasaran.

- Kami menyediakan panduan tentang dasar hak asasi manusia kami, kedua-duanya secara dalaman atau luaran.
- Kami sentiasa menyemak risiko hak asasi manusia, dasar dan proses usaha wajar untuk memastikan bahawa kami mempunyai prosedur yang betul disediakan untuk menguruskan sebarang isu dengan berkesan.

Apa yang diharapkan daripada anda
Sebagai pekerja Hempel, anda perlu menunjukkan contoh yang baik dan tidak bertolak ansur terhadap sebarang pelanggaran hak asasi manusia.

- **Sentiasa** memastikan bahawa anda biasa dengan Dasar Hak Asasi Manusia Hempel dan anda memahami cara dasar ini diterjemahkan kepada kerja anda.
- **Sentiasa** mematuhi Dasar Hak Asasi Manusia Hempel dan mana-mana undang-undang dan peraturan hak asasi manusia yang berkenaan.



Kesihatan dan keselamatan

Di Hempel, kami prihatin tentang keselamatan – dan kami menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat untuk semua pekerja dan rakan niaga kami. Kami mahu semua orang menikmati persekitaran kerja yang selamat dan sihat tanpa mengira di mana tempat mereka bekerja.


- Kami mempunyai standard kesihatan dan keselamatan yang jelas, yang kami harapkan dipatuhi oleh semua orang.
- Kami sentiasa mencabar standard kami untuk memastikan bahawa kami mencegah kemalangan di tempat kerja. Tiada siapa yang datang bekerja mendapat kecederaan.
- Kami tidak membenarkan sebarang bentuk alkohol, dadah atau penyalahgunaan lain di tempat kerja dan kami menyediakan sokongan untuk pekerja yang menghadapi masalah penyalahgunaan.

Apa yang diharapkan daripada anda

Sebagai pekerja Hempel, kami mengharapkan anda untuk menjadi mata dan telinga Hempel untuk memastikan kami mempunyai persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Kita semua bertanggungjawab terhadap keselamatan kita sendiri dan rakan sekerja kita dan perlu berusaha untuk menambah baik keadaan tempat kerja pekerja Hempel.

- **Sentiasa** mematuhi semua peraturan keselamatan yang diguna pakai dengan kerja anda.
- **Sentiasa** menghentikan kerja sekiranya anda melihat keadaan tidak selamat atau tingkah laku tidak selamat dan membawanya kepada perhatian pengurus anda.
- **Sentiasa** mencari jalan yang kita boleh bekerja dalam cara yang lebih selamat dan mencadangkan perubahan bagi meningkatkan keselamatan kerja sekiranya anda melihat peluang untuk meningkat. Terpulang kepada kita semua untuk sentiasa mencabar dan meningkatkan amalan kerja kita.

Kepelbagaian dan penyertaan



Di Hempel, kami percaya bahawa kepelbagaian adalah kunci kepada kejayaan kami. Kami menyediakan persekitaran kerja yang terangkum, menggalakkan kepelbagaian dan berusaha untuk menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi.

- Kami menggalakkan peluang yang sama rata untuk semua pekerja.
- Kami berusaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang harmoni, di mana semua orang dilayan dengan hormat.
- Kami tidak sekali-kali menerima diskriminasi. Ini termasuk diskriminasi berkaitan dengan taraf kewarganegaraan, kumpulan etnik, bahasa, warna kulit, umur, jantina, asal sosial, status, kekayaan, tugas yang dilaksanakan, jawatan kerja, agama, pandangan, pendidikan, orientasi seksual dan jantina serta keadaan kesihatan.
- Kami tidak menerima sebarang bentuk gangguan.

Apa yang diharapkan daripada anda
Kami mengharapkan anda untuk membaca dan mematuhi Dasar Kepelbagaian dan Peluang Saksama Hempel dan sentiasa melayan semua rakan sekerja dan rakan niaga anda dengan hormat.

- **Sentiasa** menghormati perbezaan budaya.
- **Sentiasa** membuat keputusan berkaitan kerja berlandaskan merit individu bagi mengelakkan sebarang diskriminasi.
- **Jangan sekali-kali** membuat atau menghantar sebarang mesej yang menyinggung perasaan atau kandungan yang tidak wajar.



Hak di tempat kerja

Kami menghormati dan menggalakkan hak pekerja di tempat kerja.

- Kami menyokong hak pekerja kami terhadap kebebasan berpersatuan dan mengiktiraf hak mereka untuk menjadi anggota kesatuan sekerja atau kumpulan perundingan kolektif lain.
- Kami menyediakan pekerja dengan bayaran yang adil untuk kerja mereka, dan juga waktu rehat kerja dan cuti berbayar menurut undang-undang tempatan.
- Kami tidak sekali-kali mengambil bekerja buruh kanak-kanak atau paksa, sama ada secara langsung atau melalui subkontraktor atau rakan niaga lain.

Apa yang diharapkan daripada anda
Sebagai pekerja Hempel, anda perlu menunjukkan hormat untuk rakan sekerja anda dan mana-mana orang lain yang berhubungan dengan anda semasa waktu bekerja.

- **Sentiasa** menghormati hak satu sama lain untuk menyertai kesatuan sekerja, pilihan kesatuan sekerja, atau keputusan untuk tidak menyertai kesatuan sekerja.
- **Sentiasa** berwaspada dengan isu buruh kanak-kanak dan paksa, bukan sahaja di tapak Hempel malah di tapak pembekal kami.

Alam sekitar

Kami menyokong perlindungan alam sekitar menerusi dasar dan tindakan kami.



Kami prihatin terhadap alam sekitar dan berusaha secara rutin mengurangkan impak alam sekitar ke atas produk dan operasi kami. Keprihatinan kami terhadap alam sekitar dibuktikan melalui pengawasan produk kami dan usaha kami yang berterusan bagi mengurangkan impak alam sekitar ke atas operasi kami.

- Kami menggabungkan teknologi mampan dari segi alam sekitar ke dalam pembangunan produk dan penyelesaian baharu.
- Kami menggalakkan penggunaan bahan lebih selamat dan berusaha untuk mengurangkan impak alam sekitarnya.
- Kami sentiasa mengkaji semula operasi kami untuk meminimumkan sisa dan mengurangkan jejak karbon kami.
- Kami melibatkan pekerja dan rakan niaga kami untuk memastikan bahawa mereka mematuhi amalan alam sekitar yang bertanggungjawab.

Apa yang diharapkan daripada anda

Sebagai pekerja Hempel, anda perlu berusaha untuk mengurangkan output bahan buangan dan penggunaan tenaga dalam apa sahaja yang anda lakukan.

- **Sentiasa** mematuhi undang-undang alam sekitar yang berkenaan.
- **Sentiasa** mencadangkan perubahan yang mengurangkan sisa, meminimumkan penggunaan tenaga atau meningkatkan jejak alam sekitar Hempel sekiranya anda melihat peluang untuk meningkat. Terpulang kepada kita semua untuk sentiasa mencabar dan meningkatkan amalan kerja kita.


2 INCHES
E
S
W decl.
E.decl.
N
mm

Membangkitkan kebimbangan



Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, kami menggalakkan pekerja, pelanggan dan rakan kongsi kami serta pihak berkepentingan lain untuk melaporkan atau mempersoalkan sebarang kes yang disyaki bagi tingkah laku yang mungkin tidak beretika atau tingkah laku menyalahi undang-undang – dan kami memberikan mereka peluang untuk berbuat demikian. Sebagai pekerja, terdapat beberapa saluran yang boleh digunakan untuk membuat laporan. Anda digalakkan untuk melaporkan sebarang kebimbangan melalui saluran yang paling anda selesa.

Bercakap dengan seseorang
Anda melaporkan kebimbangan anda kepada pengurus terdekat anda, ahli pengurusan lain, atau fungsi sokongan berkaitan, misalnya Undang-Undang Kumpulan atau Orang & Budaya. Ombudsman Serantau juga bersedia untuk membincangkan isu sensitif secara sulit.

Hotline Etika Hempel
Hotline Etika Hempel membolehkan kami untuk mempersoal, melapor, menyiasat dan m engendalikan potensi pelanggaran Tatakelakuan, dasar Etika Perniagaan kami atau undang-undang berkaitan dalam cara profesional tanpa menjejaskan kedudukan orang yang melaporkan insiden dengan niat baik.

Perkhidmatan memastikan bahawa kebimbangan serius dan sensitif boleh dipersoal atau dilaporkan secara sulit. Gunakannya sekiranya anda berasa tidak selesa mempersoal atau melaporkan melalui saluran lain atau lebih suka membangkitkan kebimbangan anda secara terus kepada Jawatankuasa Etika Hempel tanpa mendedahkan identiti anda.

Kami mencadangkan Hotline Etika Hempel digunakan untuk membangkitkan pertanyaan atau melaporkan isu serius dan sensitif, tetapi tidak terhad kepada:
- penipuan
- sogokan atau rasuah
- pelanggaran penting kesihatan, keselamatan dan peraturan alam sekitar
- Tingkah laku tidak beretika pengurusan kanan
- diskriminasi yang dilakukan oleh pengurusan kanan
- pelanggaran undang-undang persaingan atau pelanggaran undang-undang antitrust
- konflik kepentingan

Berhenti dan berfikir sebelum anda bertindak

Jika anda dalam keraguan atau mempunyai kebimbangan
Anda mempunyai hak dan tanggungjawab untuk menghentikan sebarang urusan perniagaan sekiranya anda tidak yakin bahawa dasar atau prinsip kami dalam Tatakelakuan ini dipatuhi dengan betul. Di Hempel, kami mengakui bahawa kami perlu memahami terlebih dahulu sebelum kami bertindak. Jangan teragak-agak untuk menyuarakan pandangan atau pertanyaan anda.


Jika anda dalam keraguan
- Dapatkan bantuan daripada pengurus atau pasukan sokongan tempatan anda.
- Dapatkan bantuan dan maklumat di portal ComplianceHelp Hempel di platform Kolaborasi kami.
- Hubungi **compliancehelp@hempel.com** dan kami akan melakukan yang terbaik untuk memberikan jawapan dalam tempoh satu hari perniagaan.
- Sebaliknya, bangkitkan pertanyaan sensitif atau kebimbangan anda melalui Hotline Etika Hempel.

Berhenti dan laporkan

Anda mempunyai hak dan tanggungjawab untuk menghentikan sebarang urusan perniagaan yang melanggar dasar atau prinsip kami dalam Tatakelakuan ini.

Berhenti
- Apabila pelanggaran dasar akan berlaku.

Laporkan
- Apabila pelanggaran dasar telah pun berlaku. Anda boleh membuat laporan dalam beberapa cara.
- Bercakap dengan pengurus terdekat anda atau rakan sekerja Hempel yang lain dengan kuasa setara.
- Membuat laporan melalui Hotline Etika Hempel. Laporan boleh dibu at tanpa mendedahkan nama/ ide ntiti.



Hempel A/S
Lundtoftegårdsvej 91
DK-2800 Kgs. Lyngby
Denmark

Tel: +45 4593 3800
Faks: +45 4588 5518
E-mel: hempel@hempel.com

Hempel A/S, November 2026, MY